5	Taklimat Sistem iPATUH kepada pegawai Unit iii (JKDM KLIA)	16 Mac 2023
6	Bengkel Asas Arbutus Audit Analytics – Modul PDF & Excel	14 – 16 Mac 2023
7	Taklimat Sistem iPATUH kepada pegawai Unit I (JKDM WPKL)	20 – 21 Mac 2023
8	Kursus Scripting ARBUTUS Siri 1 Di AKMAL Sabah	15 – 18 Mei 2023
9	Taklimat Sistem iPATUH kepada pegawai JKDM Kelantan & Terengganu	23 Mei 2023
10	Taklimat Sistem iPATUH kepada pegawai JKDM Pahang	25 Mei 2023
11	Kursus Scripting ARBUTUS Siri 2 di AKMAL Langkawi	29 Mei –1 Jun 2023
12	Taklimat Sistem iPATUH kepada pegawai JKDM Negeri Sembilan	06 Jun 2023
13	Taklimat Sistem iPATUH kepada pegawai JKDM Perak	08 Jun 2023
14	Taklimat Sistem iPATUH kepada pegawai JKDM Melaka	08 Jun 2023
15	Taklimat Sistem iPATUH kepada pegawai JKDM Kedah & Perlis	13 Jun 2023

BIL.	AKTIVITI	CATATAN
16	Taklimat Sistem iPATUH kepada pegawai JKDM Pulau Pinang	15 – 16 Jun 2023
17	Taklimat Sistem iPATUH kepada pegawai JKDM Sarawak	19 – 20 Jun 2023
18	Taklimat Sistem iPATUH kepada pegawai JKDM Johor	11 – 12 Julai 2023
19	Kursus Asas ARBUTUS Siri 2 di Bilik Tekun	10 – 13 Julai 2023
20	Majlis Pelancaran Sistem iPATUH	28 Julai 2023
21	Taklimat Sistem iPATUH kepada pegawai JKDM Zon Sabah	02 – 03 Ogos 2023
22	Kursus Asas ARBUTUS Siri 3 di Bilik Tekun	07 – 10 Ogos 2023
23	Kursus Asas ARBUTUS Siri 4 di AKMAL Timur	20 – 24 Ogos 2023
24	Kursus Scripting ARBUTUS Siri 3 di AKMAL Langkawi	11 – 14 Sept 2023
25	Menguruskan pertanyaan/kuiri sebagai Admin iPATUH	Jan - Dis 2023
26	Mengemaskini dokumen bagi modul <i>Library</i>	Jan - Dis 2023
27	Menguruskan penggunaan ARBUTUS	Jan - Dis 2023
28	Menguruskan modul CMS/ AKN/ VNP/ Library bagi sistem iPATUH	Jan - Dis 2023
29	Menguruskan <i>change request</i> bagi sistem iPATUH	Jan - Dis 2023

Seminar Pegawai VnP Tahun 2023

Unit Verifikasi dan Profiling (VnP) Ibu Pejabat telah mengadakan Seminar Pegawai VnP Tahun 2023 pada 18 hingga 20 Ogos 2023 bertempat di Hotel Concorde Hotel, Shah Alam. Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk mendapatkan idea dan pendapat dalam meningkatkan kecemerlangan Unit VnP di zon/negeri.

Program yang diadakan meliputi taklimat dan latih amal kepada pegawai unit VnP seluruh negara di dalam mempelajari kaedah “*Risk assessment profiling & targeting*” melalui perkongsian idea, kepakaran dan pengalaman dari pegawai VnP se-Malaysia.





Taklimat/ Kursus kepada Pegawai Pematuhan Tahun 2023

Unit Kompetensi Audit, Cawangan Dasar dan Teknikal Audit SST & Import (CDTA) telah berjaya melaksanakan sebanyak enam (6) taklimat/kursus seperti di bawah.

BIL.	TAKLIMAT/ KURSUS	TARIKH
1	Taklimat Berkaitan <i>Rules of Origin</i> (ROO)	10.01.2023
2	Taklimat Kompaun	17.01.2023
3	Taklimat Penjanaaan BOD Berkualiti dan Berasas Dari Perspektif Perundangan	09.03.2023
4	Taklimat Berkaitan Penilaian Barangan Import	21.03.2023
5	Taklimat Persediaan Pegawai Pematuhan Ke Atas Prosedur Perundangan	30.05.2023
6	Taklimat <i>Facing the Customs Challenges in Transfer Pricing</i>	24.07.2023



BAB 8: TEKNOLOGI MAKLUMAT

Projek ICT JKDM

BTM telah menganjurkan dan terlibat dengan beberapa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) dan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) terdiri daripada peringkat JPICT JKDM, JPICT Kementerian Kewangan dan Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) MAMPU seperti jadual di bawah bagi kelulusan projek ICT JKDM.

PERKARA	BIL. MESYUARAT	BIL. PROJEK LULUS
JTICT JKDM	6	43
JPICT JKDM	4	17
JPICT MOF	-	9
JTISA MAMPU	-	2

Perkhidmatan Sokongan Teknikal Pengguna

Perkhidmatan sokongan teknikal pengguna merupakan salah satu perkhidmatan utama yang disediakan oleh Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), JKDM. Perkhidmatan ini dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat JKDM dan juga di keseluruhan Cawangan dan Stesen JKDM di negeri-negeri.

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 43 sesi sokongan teknikal berkaitan Aset dan Peralatan ICT (*end-point*) telah dilaksanakan melibatkan acara rasmi Jabatan dan khidmat sokongan Bahagian, Cawangan, Stesen dan Akademi Kastam di Semenanjung Malaysia, Langkawi, Sabah, Sarawak dan Labuan.



Khidmat sokongan acara rasmi



Konfigurasi pendawaian rangkaian di Akademi Kastam



Konfigurasi peralatan rangkaian Bilik Server Cawangan



Konfigurasi komputer di Stesen ICQS

Aktiviti konfigurasi yang telah dilaksanakan di seluruh JKDM sepanjang Tahun 2023

Perkhidmatan Pengurusan dan Pengukuhan Keselamatan Siber JKDM

Perkhidmatan pengurusan dan pengukuhan Keselamatan Siber JKDM juga merupakan perkhidmatan kritikal yang disediakan BTM, JKDM. Perkhidmatan ini meliputi pengurusan dasar keselamatan ICT, tadbir urus, program kesedaran, pelaksanaan dan pematuhan dasar keselamatan ICT Jabatan.

Antara pelantikan jawatankuasa yang telah dilaksanakan adalah:

- i. Jawatan Kuasa Teknikal Keselamatan Siber (JTKS);
 - ii. Jawatan Kuasa Pasukan Pengurusan Risiko Dan ISMP JKDM; dan
 - iii. *Computer Security Incident Response Team* (CSIRT).
- Pelantikan Ahli Pasukan *Computer Security Incident Response Team* (CSIRT) seramai 65 orang pegawai wakil dari semua bahagian di Ibu Pejabat dan zon/negeri telah dilakukan pada 25 Ogos 2023 berdasarkan surat pelantikan yang ditandatangani oleh Tuan Nasaruddin bin Abdul Mutalib, Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan).
 - Mesyuarat pertama telah diadakan pada 30 Oktober 2023 secara *hybrid* yang dihadiri oleh semua ahli dan dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Infrastruktur selaku Pengerusi CSIRT Jabatan.

Selain itu, sebanyak lima (5) hebahan keselamatan ICT 2023 berkaitan keselamatan siber ke semua pegawai JKDM telah dilaksanakan pada Tahun 2023. Hebahan secara emel ini dibuat dengan kerja sama pihak Cawangan Perhubungan Awam JKDM. Hebahan tersebut dilakukan setiap bulan bermula dari bulan Ogos hingga Disember 2023.

Sepanjang Tahun 2023, BTM telah melaksanakan 2 sesi *Security Posture Assesment* (SPA) dan penggantian 19 unit *Firewall* di stesen dan Cawangan JKDM.

BTM juga telah menganjurkan sebanyak 2 Seminar Keselamatan ICT pada 29 Oktober 2023 di Genting Highland dan 14 Disember 2023 di Bangi yang mana telah dihadiri oleh pegawai-pegawai JKDM. Seminar ini bertujuan untuk mendedahkan pegawai berkaitan dengan perkembangan terkini keselamatan siber.



Pelaksanaan Seminar Keselamatan ICT di Bangi



Pelaksanaan Seminar Keselamatan ICT di Genting Highland



Penggantian 19 Unit Firewall

Program Peningkatan dan Pengukuhan Kompetensi Infrastruktur ICT JKDM

BTM sentiasa memberi tumpuan berkaitan program kompetensi pegawai. Sepanjang tahun 2023, sebanyak 10 sesi *Knowledge Sharing* dan *Technology Update* (TU) telah diadakan iaitu :

- i. Latihan HCI (Geo Genting): 2-4 Jun 2023
- ii. Latihan AIOPS (Geo Genting): 9-11 Jun 2023
- iii. Latihan Rangkaian dan Keselamatan (27-29 Oktober 2023) : Awana Genting
- iv. Latihan Secure Remote Access (8-11 November)- Melaka
- v. TU Keselamatan Siber Siri 1- 13 Julai 2023
- vi. TU Keselamatan Siber Siri 2- 2 Ogos 2023
- vii. TU Produk Huawei Siri 3 -16 Ogos 2023
- viii. TU Cyber Security, Telcowin - 27 September 2023
- ix. TU Produk H3C -17 Oktober 2023
- x. TU Keselamatan Siber Siri 3- 18 Oktober 2023

BTM juga telah menghantar pegawai bagi mengikuti latihan pensijilan kepakaran. Seramai 15 orang pegawai telah dipersijilkan *Certified Data Centre Professional (CDCP)*.

Sesi Pertama: 8-10 Mei 2023 : 7 orang | Sesi Kedua: 7-8 Jun 2023 : 8 orang




Latihan Pensijilan CDCP

Sistem Maklumat Kastam (SMK)

Sistem Maklumat Kastam (SMK) adalah sistem yang telah dibangunkan pada tahun 1992 yang digunakan oleh JKDM bagi proses pengikraran dan pembayaran duti/cukai kastam bagi pengimportan dan pengeksporan barangan dari/ke luar negara serta pengikraran dan pembayaran duti eksais bagi barangan tertentu yang dikilangkan oleh pengilang tempatan.

Sepanjang tahun 2023, antara penambahbaikan yang dilakukan di SMK adalah pelaksanaan FTA baharu iaitu *Trade Preferential System among the Member States of the Organisation of the Islamic Conference (TPS-OIC)* dan *Preferential Tariff Arrangement-Group of Eight Developing Countries (PTA-D8)* pada 1 Okt 2023.

Borang Kastam Elektronik (K1/K2/K3/K8/K9)



Statistik Pengikraran Borang Kastam Secara Elektronik Tahun 2023

Software Performance Report (SPR)

Sebanyak 11 SPR telah dikeluarkan, 5 untuk penambahbaikan ke atas SMK selaras dengan keperluan sepanjang tahun 2023.

Modul Pengguna Sistem Maklumat Kastam (SMK)

Modul ini dibangunkan bagi menjana, memantau dan mengemaskini pengguna SMK. Pengguna yang aktif pada tahun 2023 adalah seramai **9,379** orang bagi SMK dan **2,877** orang bagi PCPOS SMK.

Sistem MyExcise

Sistem MyExcise adalah sistem atas talian yang disediakan untuk kemudahan pelesen dan pengilang eksais bagi mendaftar syarikat, memohon dan pembaharuan lesen Eksais, pengikraran Borang Eksais No. 7 dan 8, pembayaran Duti Eksais Tempatan secara atas talian dan pelaporan. Fasa I dilancarkan pada 13 Mac 2023 melibatkan pengilang dan pelesen minuman keras, rokok, produk tembakau, daun terup, mahjong, minuman bergula dan peranti rokok elektronik. Fasa II dilancarkan pada 14 Ogos 2023 melibatkan pengilang dan pelesen kenderaan bermotor. Pengguna sistem ini adalah pegawai kastam, pelesen dan *Owner of Goods*.




Statistik Pengikraran Borang Eksais Secara Elektronik Tahun 2023

Portal WebCOR (*Customs Official Receipt*)

JKDM sentiasa menaiktaraf Portal WebCOR untuk kemudahan mencetak *Customs Official Receipt* (COR) dan *Customs Release Documents* (CRD) di premis pelanggan. Pelaksanaan projek ini dapat menjimatkan penggunaan sumber dan kos pengendalian Jabatan, membantu meminimalkan pengeluaran resit rasmi serta mengurangkan kesesakan di kaunter JKDM.

STATISTIK PENGGUNAAN BAGI COR & CRD BAGI TAHUN 2023



Statistik Cetakan COR dan CRD di WebCOR tahun 2023 di seluruh Malaysia

Penyambungan Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Maklumat Kastam (SMK)

Penyelenggaraan perkakasan, perisian *server* dan aplikasi SMK telah diluluskan bagi tempoh 12 bulan mulai 1 September 2022 sehingga 31 Ogos 2023 bagi skop seperti berikut: -

- Perkhidmatan Penyelenggaraan Peralatan IPX9800, *EDI Communication Server* (ECS), *Authorized Economic Operator* (AEO), *Regional Computer Centre* (RCC) *Servers*, *state servers*, *Gate Control System* (GCS), dan rangkaian;
- Perkhidmatan Penyelenggaraan Perisian IPX9800 dan ECS;
- Perkhidmatan Penyelenggaraan Aplikasi SMK, MyExcise, AEO, GCS dan ECS;
- Perkhidmatan Penyelenggaraan Aplikasi MySST dan MyTTX;
- Perkhidmatan Penyelenggaraan bagi PC/PCPOS/*Slip Printer*;
- Perkhidmatan Penyelenggaraan bagi integrasi SMK-MyGST dan SMK-MySST; dan
- Perkhidmatan Penyelenggaraan *connectivity* *EDI Communication Server* (ECS) untuk *service provider* *Digital Free Trade Zone* (DFTZ).

Asean Customs Transit System (ACTS)

ACTS telah beroperasi sejak 1 Oktober 2020 dan pergerakan pertama dari Malaysia adalah pada 13 Februari 2021. Pada tahun 2023, sebanyak 13 pergerakan ACTS dari Malaysia ke Kemboja melalui Thailand, dan 17 pergerakan ACTS dari Singapura ke Thailand melalui Malaysia menjadikan jumlah pelaksanaan ACTS sebanyak 98 pergerakan sehingga kini.

Kursus *Procedural and Technical for ASEAN Customs Transit System* (ACTS) bertempat di Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL) diadakan sebanyak tiga (3) kali setahun melibatkan pegawai-pegawai Kastam Ibu Pejabat dan Kastam Negeri.

Sesi webinar dengan ASEAN *Member States* (AMS) buat pertama kalinya telah diadakan dengan negara Myanmar pada 13 Disember 2023 bagi tujuan perkongsian pengetahuan dan pengalaman mengenai pelaksanaan ACTS di Malaysia.

Sesi libat urus JKDM dengan Kementerian Pengangkutan Malaysia dan *National Transit Transport Coordinating Committee* (NTTCC) bagi membincangkan pelaksanaan kerangka perjanjian untuk memudah cara pengangkutan di rantau ASEAN telah diadakan pada bulan November dan Disember 2023 dalam usaha memacu pertumbuhan sektor logistik dan industri pengangkutan negara.

Asean Single Windows (ASW)


Sistem Malaysia *Exchange Hub* (MEH) telah beroperasi dengan lancar semenjak 21 Oktober 2020 untuk kegunaan pegawai-pegawai Kastam di Ibu Pejabat dan Negeri bagi melihat maklumat pertukaran dokumen ASEAN *Trade In Goods* (ATIGA) dan ASEAN *Customs Declaration Document* (ACDD).

Mesyuarat *Working Group on Technical Matters for the ASEAN Single Window* (TWG-ASW) bagi menangani isu-isu berbangkit dan dokumen yang perlu dipersetujui di peringkat ASEAN *Member States* (AMS) diadakan tiga (3) kali setahun.

Latihan *Single-Issue Tracking System* (SITS) telah diadakan pada 10 November 2023 bertujuan memberi panduan penggunaan sistem SITS dengan lebih teratur dan efisien bagi memantau isu dan masalah yang dihadapi oleh negara-negara ASEAN mengenai pertukaran dokumen dan isu *gateway*.

Statistik Pertukaran ATIGA e-Form D Mengikut Negara ASEAN Tahun 2023


Jumlah keseluruhan pertukaran ATIGA e-Form D adalah sebanyak **Incoming – 221,407** dan **Outgoing – 190,456**



Statistik Pertukaran ATIGA e-Form D Mengikut Negara ASEAN Tahun 2023

Statistik Pertukaran ASEAN Customs Declaration Document (ACDD) Tahun 2023


Jumlah keseluruhan pertukaran **ASEAN Customs Declaration Document (ACDD)** adalah sebanyak **Incoming** – 206,469 dan **Outgoing** – 522,268



Statistik Pertukaran ASEAN Customs Declaration Document (ACDD) Tahun 2023

Sistem Authorized Economic Operator (AEO)

Sistem AEO (sebelum tahun 2012 dikenali sebagai *Customs Golden Client (CGC)*) adalah aplikasi yang dibangunkan pada tahun 2004. Sistem ini digunakan oleh syarikat-syarikat pengimport dan pengeksport yang telah mematuhi keperluan piawai keselamatan dalam rantai perdagangan yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi membuat pengiklanan dagangan import dan eksport serta pembayaran duti dan cukai kastam. Aplikasi AEO berintegrasi dengan sistem utama JKDM iaitu Sistem Maklumat Kastam (SMK). Sehingga kini terdapat sebanyak 159 buah syarikat AEO berdaftar dengan JKDM. Berikut merupakan statistik pengiklanan di Sistem AEO pada tahun 2023:



Statistik pengiklanan di Sistem AEO bagi tahun 2023

Selain itu, pelaksanaan inisiatif *Mutual Recognition Arrangement (MRA)* juga aktif dilakukan sebagai alternatif kepada syarikat Malaysia bukan berstatus AEO mendapat kemudahan perdagangan apabila mengurus niaga dengan syarikat AEO di luar negara.

Perancangan pada masa akan datang, peluasan AEO ini akan melibatkan lebih banyak penyertaan syarikat-syarikat AEO melakukan aktiviti-aktiviti dagangan *high risk* dengan pengesahan/kelulusan daripada *Other Government Agencies (OGA)* dan *Permit Issuance Agency (PIA)* hasil kelangsungan daripada Projek AEO Bersepadu Peringkat Nasional serta mengetengahkan Teknologi *Blockchain* pada sistem tersebut.

Sistem Levi Pelepasan (MyDLv)

Sistem Levi Pelepasan (MyDLv) adalah sistem yang direka bentuk secara atas talian bertujuan sebagai pusat sehenti untuk *operator* dan ejen pengendali asing bagi melaksanakan proses-proses berkaitan Levi Pelepasan berdasarkan kepada Akta Levi Pelepasan 2019. Sistem ini telah mula digunakan oleh Pegawai JKDM, operator dan ejen pengangkutan bermula Ogos 2019.

Semua operator dan ejen pengangkutan berdaftar telah mengikrar penyata pada tahun 2023 seperti berikut :

Jumlah Penyata Berdasarkan Kod Stesen Bagi Tahun 2023													
Kod Stesen	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	AGO	SEP	OKT	NOV	DIS	Jumlah
S23	10	10	10	10	10	10	10	10	10	9	9	7	115
W21	53	53	53	52	52	52	51	52	52	52	52	43	617
Y42	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	0	33
K18	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
M13	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
P01	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	2	2	34
J14	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
B16	11	12	15	16	16	16	16	16	16	17	17	16	184
A20	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah	80	81	84	84	84	84	83	84	84	84	83	68	983

Bilangan Transaksi Penyata yang Telah Diikrar oleh Operator dan Ejen Pengangkutan Berdaftar Sepanjang Tahun 2023.

KAEDAH BAYARAN	BIL. TRANSAKSI
FPX B2C	6
FPX B2B	387
EFT	399
JUMLAH (RM)	792

Bilangan Transaksi Pembayaran MyDLv Mengikut Saluran Pembayaran pada Tahun 2023

Sistem MySawit

Sistem MySawit merupakan sistem pemantauan Levi Keuntungan Luar Biasa secara atas talian yang merangkumi beberapa prosedur iaitu pendaftaran pengeluar, permohonan pengeluar levi, kelulusan permohonan, pengemaskinian pembayaran levi dan laporan pemantauan.

Pembangunan sistem adalah secara *in-house* hasil daripada usaha dan komitmen pasukan pembangunan sistem yang terdiri daripada wakil Bahagian Perkastaman, Pasukan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Negeri Sembilan, *state champion* dan BTM. Sistem ini dilancarkan pada 20 Oktober 2023 oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri Kewangan dan telah digunakan sepenuhnya di seluruh Malaysia bermula pada Januari 2024. Jumlah pengeluar berdaftar di dalam sistem sehingga 17 Januari 2024 adalah sebanyak 3375.




Paparan Sistem MySawit

Sistem (MyVDP) – Program Pengakuan Sukarela

Sistem *Voluntary Disclosure Program* (MyVDP) merupakan sistem bagi program pengakuan sukarela yang ditawarkan kepada pembayar cukai tidak langsung berdasarkan pengumuman YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Belanjawan 2023. Sistem ini dibangunkan secara *in-house* bermula pada Mac 2023 sehingga Mei 2023 dan telah mula digunakan pada Jun 2023. Pembangunan sistem adalah hasil daripada usaha dan komitmen pasukan pembangunan sistem yang terdiri daripada wakil Bahagian Cukai dalam Negeri dan BTM. Sepanjang pelaksanaan sistem ini, JKDM telah berjaya memungut sebanyak RM30,420,897.49 sehingga Disember 2023 dengan jumlah permohonan sebanyak 1,042.



Paparan Sistem MyVDP



Bilangan Permohonan Program Pengakuan Sukarela (MyVDP) Pada Tahun 2023

Sistem CuBic

Sistem CuBic dibangunkan dengan tujuan untuk memudahkan carian maklumat nilai kenderaan yang diimport oleh pemegang *Approved Permit* (AP) *Franchise* dan AP Terbuka bagi kegunaan pegawai penaksir, pegawai penilaian dan orang awam secara atas talian. Sistem ini dibangunkan secara *in-house* bermula April 2023 sehingga September 2023 dan telah digunapakai bermula Oktober 2023. Pelancaran bagi sistem CuBic telah diadakan pada 20 Oktober 2023 oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri Kewangan. Pembangunan sistem adalah hasil daripada usaha dan komitmen pasukan pembangunan sistem yang terdiri daripada wakil Bahagian Perkhidmatan Teknik dan BTM.



Paparan Sistem CuBic

Sistem eBooking

Sistem eBooking dibangunkan sebagai satu kemudahan atas talian bagi Pegawai JKDM, Ibu Pejabat untuk memohon tempahan kenderaan bagi tujuan urusan rasmi kerajaan. Pembangunan sistem ini adalah secara *in-house* hasil daripada inisiatif BTM dan Unit Pentadbiran Am, KPSM. Sistem eBooking ini telah menggantikan sistem eKenderaan setelah kajian penambahbaikan dilaksanakan bagi urusan pemprosesan tempahan kenderaan jabatan yang lebih efisien. Sistem eBooking telah digunapakai sepenuhnya pada Januari 2024.



Paparan Sistem eBooking

Sistem ePeperiksaan

Sistem ePeperiksaan ini dibangunkan secara *in-house* bermula pertengahan 2023 dan mula digunakan pada Januari 2024. Sistem ini bertujuan untuk memastikan permohonan dan semakan keputusan peperiksaan oleh pegawai JKDM bagi gred yang terlibat dapat dilaksanakan secara atas talian dengan cepat dan efisien. Pembangunan sistem adalah hasil daripada inisiatif, usaha dan komitmen pasukan pembangunan sistem yang terdiri daripada Unit Kompetensi & Pengurusan Rekod, KPSM dan BTM.




Paparan Sistem ePeperiksaan


Sistem Cukai Barang Dan Perkhidmatan (MyGST)

Penambahbaikan MyGST

Penambahbaikan sistem MyGST dibuat bagi memenuhi perubahan keperluan perundangan, prosedur kerja dan polisi Jabatan. Penambahbaikan ini dilaksanakan oleh pembekal sistem dan pegawai-pegawai Unit Aplikasi Cukai Dalam Negeri, BTM (UCDN). Penambahbaikan yang telah dibuat bagi tahun 2023 adalah sebanyak 170 *Solution Request* (SQR).




Jumlah SQR (Solution Request) Sistem MyGST pada Tahun 2023



Jumlah Pegawai JKDM Mengikut Stesen Sebagai Pengguna MyGST yang Aktif Mengikut Negeri pada Tahun 2023

Transaksi Pembayaran




Bilangan Transaksi Pembayaran Sistem MyGST pada Tahun 2023

Sistem *Tourism Tax* (MyTTx)

Pengguna JKDM Sistem MyTTx


Jumlah keseluruhan pendaftaran pengguna JKDM yang mendaftar sistem MyTTx di seluruh negara pada tahun 2023 ialah 290 pengguna.



Jumlah Pegawai JKDM Sebagai Pengguna MyTTx yang Aktif Mengikut Negeri pada Tahun 2023

Transaksi Pembayaran MyTTx

Terdapat dua kaedah pembayaran yang diterima melalui Sistem MyTTx iaitu secara *online* dan *manual*. Pembayaran secara *online* adalah pembayaran yang dibuat melalui Sistem MyTTx menggunakan saluran FPX Paynet. Manakala pembayaran secara *manual* bermaksud Pengendali Premis Penginapan menghantar cek secara pos ke *Customs Processing Center* (CPC).




Bilangan Transaksi Pembayaran Sistem MyTTx pada Tahun 2023

Sistem Cukai Jualan dan Perkhidmatan (MySST)

Pengguna Sistem MySST


Pada tahun 2023, sebanyak 480 pegawai baharu telah mendaftar sebagai pengguna bagi sistem MySST.



Jumlah Pegawai JKDM Yang Mendaftar Sebagai Pengguna MySST Mengikut Negeri pada Tahun 2023

Transaksi Pembayaran MySST


Dua kaedah pembayaran yang diterima melalui Sistem MySST adalah secara *Online* dan *Manual*. Pembayaran secara *Online* adalah pembayaran yang dibuat menerusi Sistem MySST menggunakan saluran FPX Paynet merangkumi 88% transaksi, manakala pembayaran secara manual bermaksud, Pengilang Berdaftar/ Orang Berdaftar menghantar cek ke Customs Processing Centre (CPC) yang melibatkan sebanyak 12% bilangan transaksi pembayaran pada tahun 2023.



Bilangan Transaksi Pembayaran Sistem MySST Pada Tahun 2023

Aduan Teknikal MySST

Aduan Teknikal MySST ini dibuat menerusi alamat emel teknikalsst@customs.gov.my. Penggunaan sistem ini bermula 6 Ogos 2018. Pecahan aduan teknikal adalah seperti dalam carta berikut:




Jumlah Aduan Teknikal Sistem MySST Pada Tahun 2023

Sistem Cukai Perkhidmatan ke Atas Perkhidmatan Digital (MySToDS)

Pengguna Sistem MySToDS

Jumlah pengguna aktif sistem MySToDS adalah 771 pengguna yang merangkumi 101 pengguna dalaman iaitu pegawai JKDM dan 670 pengguna Pemberi Perkhidmatan Asing (PPA) yang merangkumi pengguna *main account* dan *sub account*. Jumlah pengguna PPA yang aktif dan berdaftar pada 2023 adalah berjumlah 338. Pengguna ini merangkumi 29 negara di seluruh dunia.



Jumlah Pengguna Pemberi Perkhidmatan Asing (PPA) Mengikut Negara Pada Tahun 2023


Transaksi Pembayaran MySToDS

Secara keseluruhannya, sistem MySToDS menerima pembayaran 100% melalui atas talian (*online*). Kaedah pembayaran yang disediakan adalah seperti berikut :

- i. *Telegraphic Transfer* (TT)
- ii. *Financial Process Exchange* (FPX)

Aduan Teknikal MySToDS

Aduan teknikal MySToDS boleh dilakukan menggunakan sistem *helpdesk* yang telah dibangunkan pada 2022. Sepanjang tahun 2023, sebanyak 129 aduan telah diterima berkaitan sistem MySToDS dan pecahan tersebut adalah seperti carta berikut:



Jumlah Aduan Teknikal Sistem MySToDS Pada Tahun 2023

Penutup

Secara keseluruhannya, kemudahan/projek-projek ICT yang dirancang telah berjaya dilaksanakan mengikut perancangan. Setiap isu ditangani sebaik mungkin dan BTM akan sentiasa berusaha untuk membuat penambahbaikan dengan kerjasama dan sokongan padu daripada pengurusan, warga dan pelanggan Jabatan.

Gambar Sesi Latihan dan Bengkel yang Telah Dijalankan oleh Bahagian Teknologi Maklumat Sepanjang Tahun 2023

LATIHAN MODUL PEMBAYARAN SISTEM CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

TARIKH : 3HB HINGGA 5HB OGOS 2023 (KHAMIS-SABTU)
TEMPAT : GEO RESORT & HOTEL, GENTING HIGHLANDS.



LATIHAN GENTAX DATA WAREHOUSE/DISCOVERY ANALYTICS DI BAWAH PROJEK PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN PEMBAHARUAN LESEN SISTEM MYGST

TARIKH : 7HB HINGGA 9HB SEPTEMBER 2023 (KHAMIS-SABTU)
TEMPAT : AVILLION ADMIRAL COVE HOTEL, PORT DICKSON.



MAJLIS CLOSING CEREMONY PROJEK PENAMBAHBAIKAN SISTEM MyTTx 2023

TARIKH: 28 NOVEMBER 2023
TEMPAT: DEWAN DATO' HAJI ZAZULI, SUASANA PJH



LATIHAN MySToDS PORTAL ADMINISTRATION

TARIKH: 28 FEBRUARI 2023
TEMPAT: BANGI RESORT HOTEL, SELANGOR



LATIHAN DATABASE ADMINISTRATION IN MySQL

TARIKH: 20 JULAI 2023
TEMPAT: BANGI RESORT HOTEL, SELANGOR



KURSUS PROCEDURAL AND TECHNICAL FOR ASEAN CUSTOMS TRANSITS SYSTEMS (ACTS)

TARIKH: OGOS DAN OKTOBER 2023
TEMPAT: AKMAL, MELAKA



MESYUARAT WORKING GROUP ON TECHNICAL MATTERS FOR THE ASEAN SINGLE WINDOW (ASW TWG MEETING)

TARIKH: 29 NOVEMBER HINGGA 1 DISEMBER 2023
TEMPAT: MANILA, FILIPINA



BENGKEL PEMURNIAN DESKRIPSI TUGAS DAN SASARAN KERJA UTAMA (SKU) BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT TAHUN 2023

TARIKH: 14 – 15 NOVEMBER 2023
TEMPAT: HOTEL THE EVERLY, PUTRAJAYA



BAB 9: PERUNDANGAN

Bahagian ini hanya terdiri daripada dua Cawangan iaitu Cawangan Jenayah dan Cawangan Gubalan sahaja. Namun demikian, tugas Bahagian ini tidak terhad kepada tugas Jenayah dan Gubalan sahaja malah Bahagian ini juga mengendalikan kes-kes Guaman (Sivil), tugas Penasihat dan Hal Ehwal Antarabangsa.

Berhubung dengan kes jenayah dan sivil, Bahagian ini mengendalikan kes perbicaraan, rayuan dan semakan. Bahagian ini juga berperanan untuk mengkaji dan meneliti Kertas Siasatan, menyemak serta meneliti dan memuktamadkan draf perjanjian/kontrak serta memberi nasihat dan pandangan perundangan yang berkualiti. Di samping itu, Bahagian ini juga menyemak draf perundangan utama dan draf perundangan subsidiari bagi pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Pengendalian Kes Jenayah

Pada tahun 2023, sebanyak 126 kes pendakwaan jenayah telah selesai dikendalikan oleh Bahagian ini.

PERKARA	TAHUN		
	2021	2022	2023
Bilangan kes Pendakwaan yang didaftarkan	318	279	260
Bilangan kes Pendakwaan yang selesai	149	150	126
Peratusan	46.86%	54%	48.46%

Kertas Siasatan

Pada tahun 2023, sebanyak 2171 Kertas Siasatan telah diberikan arahan oleh Timbalan Pendakwa Raya daripada Bahagian ini.

PERKARA	TAHUN		
	2021	2022	2023
Bilangan kertas siasatan yang agihkan	1564	2623	2171
Bilangan kertas siasatan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh agihan	1357	2525	2083
Peratusan	86.67%	97%	95.95%

Pengendalian Kes Sivil

Pada tahun 2023, sebanyak 51 kes sivil telah berjaya diselesaikan oleh Bahagian ini.

PERKARA	TAHUN		
	2021	2022	2023
Bilangan kes sivil yang didaftar dan dikendalikan oleh Bahagian ini	53	46	71
Bilangan kes sivil yang berjaya diselesaikan	19	17	51
PERATUSAN	35.85%	36.95%	71.83%

Memberi Nasihat Dan Pandangan Undang-undang

Pada tahun 2023, sebanyak 141 nasihat dan pandangan undang-undang telah dikeluarkan oleh Bahagian ini.

PERKARA	TAHUN		
	2021	2022	2023
Bilangan nasihat dan pandangan berdasarkan isu yang dimohon	210	98	141
Bilangan nasihat dan pandangan berdasarkan isu yang dikeluarkan	210	98	141
Peratusan	100%	100%	100%

Kontrak/Perjanjian

Pada tahun 2023, sebanyak 233 kontrak telah berjaya disemak dalam tempoh 21 hari oleh Bahagian ini.

PERKARA	TAHUN		PERKARA	TAHUN
	2021	2022		2023
Bilangan kontrak yang diterima	198	267	Bilangan kontrak yang diterima	276
Bilangan kontrak yang disemak dalam tempoh 14 hari dari tarikh yang diterima	198	229	Bilangan kontrak yang disemak dalam tempoh 21 hari dari tarikh yang diterima	233
PERATUSAN	100%	86%	PERATUSAN	84.42%

Menyemak Draf Perundangan Utama dan Perundangan Subsidiari

Pada tahun 2023, sebanyak 120 draf perundangan telah disemak oleh Bahagian ini. Semakan ke atas draf perundangan tersebut bertujuan agar draf perundangan berada dalam keadaan teratur dari segi perundangan.

PERKARA	TAHUN		
	2021	2022	2023
Bilangan draf perundangan yang diterima	82	70	120
Bilangan draf perundangan yang disemak	82	70	120
Peratusan	100%	100%	100%

Persidangan Pendakwaan Jabatan Peguam Negara Tahun 2023

Semua Timbalan Pendakwa Raya Bahagian ini telah menyertai Pendakwaan Tahun 2023 yang dianjurkan oleh Jabatan Peguam Negara di Hatten Hotel, Melaka pada 22-24 September 2023.

BAB 10: CAWANGAN INTEGRITI

Unit Tadbir Urus

Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR)

BILANGAN	TARIKH/MASA	TEMPAT
Bilangan 1 Tahun 2023	3 Mei 2023	Dewan Persidangan Sri Rampai JKDM Ibu Pejabat, Putrajaya
Bilangan 2 Tahun 2023	7 September 2023	Dewan Persidangan Sri Rampai JKDM Ibu Pejabat, Putrajaya
Bilangan 3 Tahun 2023	28 Disember 2023	Dewan Persidangan Sri Rampai JKDM Ibu Pejabat, Putrajaya

Mesyuarat Pelaksanaan Dan Pemantauan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2020-2024 diadakan sebanyak 2 kali setahun. Mesyuarat yang dijalankan pada tahun 2023:

- Mesyuarat OACP Bil. 1/2023 pada 20 Jun 2023 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan) YBrs. Tuan Nasaruddin bin Abdul Muttalib
- Mesyuarat OACP Bil. 2/2023 pada 27 Disember 2023 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan) YBrs. Tuan Mohd Daud bin Mohd Arif.



Pelan Antirasuah Organisasi

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JKDM 2020-2024 menetapkan 60 inisiatif yang memberi fokus kepada empat fungsi utama JKDM iaitu:

Anti-Bribery Management System (ABMS)

Pensijilan MS ISO 37001:2016 ABMS adalah usaha Cawangan Integriti, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia, Bahagian Perkastaman dan pegawai di negeri bagi mematuhi piawaian kualiti

bertaraf antarabangsa daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. ke atas sistem pengurusan anti-rasuah yang dilaksanakan oleh Jabatan secara berterusan dan menepati keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh standard MS ISO 37001:2016 dengan berkesan.

Audit pensijilan ini telah dilaksanakan oleh empat (4) orang juruaudit SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan telah dilaksanakan selama tiga (3) hari bermula pada 26 hingga 28 Julai 2023 di empat (4) lokasi secara serentak iaitu di :

- Bahagian Khidmat Pengurusan Sumber Manusia Ibu Pejabat;
- Cawangan Integriti Ibu Pejabat;
- Cawangan Pemeriksaan Penumpang I, JKDM Zon Tengah Unit III, (LTA Kuala Lumpur); dan
- Cawangan Import/Eksport, Kompleks Dermaga Tanjung Lembung Langkawi, JKDM Kedah.

Komitmen terhadap pelaksanaan MS ISO yang berterusan telah membuahkan hasil apabila pada 15 Ogos 2023, pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah menyambung pensijilan sedia ada JKDM bermula 14 Ogos 2020 hingga 13 Ogos 2026 dengan enam (6) penemuan OFI (*Opportunity for Improvement*).

BIL	SKOP	CAWANGAN	FUNGSI
1	Perkhidmatan Pengurusan	Khidmat Pengurusan	Pengurusan Kompetensi & Pengurusan Rekod Pengurusan prestasi & HRMIS Pentadbiran Am
2	Perkhidmatan Pengurusan	Perkhidmatan dan Latihan	Perkhidmatan Latihan
3	Perkhidmatan Pengurusan	Pengurusan Kewangan	Pembayaran/penerimaan/Gaji Penyelarasan dan Pemantauan
4	Perkhidmatan Pengurusan	Logistik	Logistik dan Pengurusan Aset
5	Perkhidmatan Pengurusan	Pengurusan Perolehan	Perolehan
6	Perkhidmatan Pengurusan	Akaun	Perunding dan Pemantauan Perakaunan Kewangan
7	Integriti	Integriti	Tadbir Urus Pengukuhan Integriti Pengesanan dan Pengesahan Pengurusan Aduan Pematuhan Tatatertib
8	Perkastaman	Pemeriksaan Penumpang Import/Eksport	Pemeriksaan Penumpang (mod udara) Levi Pelepasan Matawang Pemeriksaan Penumpang (mod laut)/ Kargo/Kurier Kenderaan

Anugerah & Pengiktirafan

Anugerah Integriti, Governans dan Anti Rasuah 2022 (AIGA 2022)



JKDM menerima Anugerah Perak bagi Anugerah Integriti, Governans dan Anti Rasuah 2022 (AIGA 2022). Majlis penyampaian hadiah diadakan pada 18 Januari 2023 di Institut Integriti Malaysia (IIM) dan disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Penganjuran AIGA 2022 oleh IIM bertujuan memberi pengiktirafan kepada sektor awam dan swasta yang telah menzahirkan komitmen dalam pembudayaan integriti, tadbir urus terbaik serta inisiatif antirasuah.

Unit Pengukuhan Integriti

Senarai Aktiviti:

- Program Pengukuhan Integriti
- Program Penerapan Nilai-Nilai Murni
- Kursus Pengukuhan Integriti SMART-V
- Buku Integriti
- Laporan Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA)
- Info Integriti


Aktiviti Pengukuhan:

- *Down to Station*
- Program Penerapan Nilai-nilai Murni
- Kursus Pengukuhan Integriti SMART-V
- Buku Integriti
 - Usaha JKDM Memperkasa Integriti
 - Khilaf Langkah
- Info Integriti

Unit Pengesanan & Pengesahan

Statistik Aktiviti Tahun 2023

Sepanjang tahun 2023, Unit Pengesanan dan Pengesahan telah membuka 143 fail pengesanan dan sebanyak 55 fail telah selesai. Data statistik fail pengesanan adalah seperti berikut:



Kes-kes Utama

- Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2021 berkenaan Siasatan Kes Kereta Langkawi.
- Siasatan Syarat K
 - Pembatalan Syarat K (pengecualian Duti Import/Duti Eksais/Cukai Jualan) ke atas kenderaan yang diimport atau kenderaan pemasangan tempatan.
- Siasatan Kes Perolehan di JKDM Zon Sabah dan JKDM Johor.

Unit Pengurusan Aduan

Jawatankuasa Pengurusan Aduan (JKPA) bersidang dua kali dalam seminggu dan dipengerusikan oleh Ketua Cawangan Integriti atau Timbalan Ketua Cawangan Integriti.

Jumlah Keseluruhan Aduan Tahun 2023

ADUAN	TERIMA	NEGERI	IBU PEJABAT
SISPAA	731	497	-
MyINTEGRITI	189	51	138


Jumlah Aduan Mengikut Sumber 2023

SUMBER ADUAN	SISPAA	MYINTEGRITI
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP)	4	4
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	-	7
Hadir Sendiri	5	3
Telefon	-	2
E-mel	20	20
Biro Pengaduan Awam	28	-
Surat	42	21
Agensi Luar (MOF/Lain-lain Kementerian)	40	-
Unit Siasatan Dalaman	-	3
Borang Laman Web	581	129
JUMLAH	731	189

Bilangan Aduan (SISPAA) Ibu Pejabat 2023

BAHAGIAN IBU PEJABAT	SISPAA
Bahagian Perundangan	-
Bahagian Teknologi Maklumat	2
Bahagian Perancangan Korporat	4
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia	-
Bahagian Perkhidmatan Teknik	17
Bahagian Pengurusan Pematuhan	21
Bahagian Cukai Dalam Negeri	31
Bahagian Perkastaman	51
Bahagian Penguatkuasaan UPKS	97
JUMLAH	234

Penerimaan Aduan SISPAA/MyINTEGRITI 2023



Naziran Aduan dan Rekod bersama Unit Tatatertib

BIL NAZIRAN	LOKASI	TARIKH
Siri 1	JKDM Johor	6.3.2023
Siri 2	JKDM Pulau Pinang	21.8.2023

Unit Pematuhan



Pemeriksaan Mengejut atau *Mystery Shopping* telah dilakukan di lokasi berikut:

BIL	STESEN	TARIKH	LOKASI CAWANGAN PEMERIKSAAN PENUMPANG (CPP)
1.	JKDM Perlis	7 – 10 Februari 2023	Padang Besar & Wang Kelian
2.	JKDM Kedah	3 – 6 Julai 2023	LTA Langkawi, Jeti Kuah, Durian Burung & Bukit Kayu Hitam
3.	JKDM P. Pinang	13 – 16 Jun	LTA Bayan Lepas
4.	JKDM Johor	6 – 10 Mac	Terminal Feri Antarabangsa, Kompleks Sultan Abu Bakar, Bangunan Sultan Iskandar, Terminal Feri Pasir Gudang, Terminal Tanjong Belungkor
5.	JKDM Kelantan	15 – 19 Mei	Rantau Panjang, Bukit Bunga & Pengkalan Kubor
6.	JKDM Perak	6 – 9 Jun	Pulau Pangkor & Pengkalan Hulu
7.	JKDM Labuan	1 – 4 Ogos	LTA Labuan & Feri Labuan
8.	JKDM Sarawak	14 – 18 Ogos	LTA Kuching, ICQS Tebedu, LT Miri, Pos Sempadan Sungai Tujoh, Pos Sempadan Lubok Antu, Pos Sempadan Serikin & ICQS Biawak
9.	JKDM Sabah	9 – 13 Oktober	LT Sandakan, LT Lahad Datu, LT Tawau, CPP Tawau dan LTA Kota Kinabalu

Pemeriksaan mengejut juga telah dilakukan di lokasi-lokasi berikut:

- Cawangan Eksport/Import Stesen Durian Burung
- FIZ Bayan Lepas
- Forest City
- FIZ Kinta
- Pelabuhan Sandakan
- Pelabuhan Senari
- Bazar Ramadhan
- Jualan Bazar Mingguan Putrajaya
- Alamanda/Mitsui
- Program Jualan Madani Raya Putrajaya
- Pelabuhan Lahad Datu
- Pelabuhan Tawau
- Pelabuhan Teluk Sepanggar
- Pemeriksaan mengejut di Ibu Pejabat, Zon Perindustrian Bebas dan Kawasan Bebas Cukai

Ujian Saringan Awal Air Kencing

LOKASI	JUMLAH PEGAWAI DISARING	KEPUTUSAN SARINGAN (+ve)	KEPUTUSAN PATOLOGI (+ve)	PERATUSAN POSITIF PATOLOGI (%)
JKDM Pelabuhan Utara	105	-	-	-
JKDM Langkawi	45	-	-	-
JKDM Perlis	67	1	1	1.49%
JKDM Pulau Pinang	38	1	1	2.64%
JKDM Pengkalan Kubor	41	-	-	-
JKDM Sarawak	68	1	1	1.47%
JKDM WPKL	89	-	-	-
AKMAL Melaka	156	-	-	-
AKMAL Melaka	151	-	-	-
AKMAL Melaka	106	-	-	-
JUMLAH	866	3	3	0.35%



Unit Tatatertib

Mesyuarat Lembaga Tatatertib 2023

BIL	IBU PEJABAT	TARIKH MESYUARAT
1.	Kumpulan Sokongan (No.1), JKDM Ibu Pejabat Bil.1/2023	23 Mac 2023
2.	Kumpulan Sokongan (No.2), JKDM Ibu Pejabat Bil.1/2023	28 Mac 2023
3.	Kumpulan Sokongan (No.2), JKDM Ibu Pejabat Bil.2/2023	8 Jun 2023
4.	Kumpulan Sokongan (No.1), JKDM Ibu Pejabat Bil.2/2023	18 Julai 2023
5.	Kumpulan Pengurusan (No.2), JKDM Ibu Pejabat Bil.1/2023	28 November 2023
6.	Kumpulan Sokongan (No.2), JKDM Ibu Pejabat Bil.3/2023	21 Disember 2023

BIL	NEGERI	TARIKH MESYUARAT
1.	Kumpulan Sokongan (No.2), JKDM Johor Bil.1/2023	16 Mac 2023
2.	Kumpulan Sokongan (No.2), JKDM Kedah Bil.1/2023	14 Jun 2023
3.	Kumpulan Sokongan (No.2), JKDM Zon Tengah Bil.1/2023	25 Mei 2023
4.	Kumpulan Sokongan (No.2), JKDM Sabah Bil.1/2023	10 Ogos 2023

Statistik Mengikut Jawatan

GRED JAWATAN	IBU PEJABAT	JPA / SPA	NEGERI	JUMLAH
JUSA	-	-	-	-
GRED 54	-	-	-	-
GRED 52	-	2	-	2
GRED 48	-	1	-	1
GRED 44	1	-	-	1
GRED 41	1	1	-	2
GRED 36	-	-	-	-
GRED 32	-	-	-	-
GRED 29	1	-	-	1
GRED 28	1	-	-	1
GRED 26	-	-	-	-
GRED 22	7	-	4	11
GRED 20	-	-	-	-
GRED 19	9	-	3	12
GRED 14	-	-	-	-
GRED 11	1	-	1	2
JUMLAH	21	4	8	33

Statistik Tatatertib Mengikut Negeri

NEGERI		IBU PEJABAT	JPA / SPA	NEGERI	JUMLAH
PERLIS		-	-	-	-
KEDAH		3	-	1	4
PULAU PINANG		2	1	-	3
PERAK		1	-	-	1
ZON TENGAH	WPKL (UNIT 1)	-	-	2	2
	SELANGOR (UNIT II)	1	1	-	2
	KLIA (UNIT III)	-	-	-	-
	PUTRAJAYA (UNIT IV)	8	-	-	8

NEGERI	IBU PEJABAT	JPA / SPA	NEGERI	JUMLAH
IBU PEJABAT	-	1	-	1
NEGERI SEMBILAN	1	-	-	1
MELAKA	-	-	-	-
JOHOR	2	-	4	6
TERENGGANU	2	-	-	2
KELANTAN	-	-	-	-
PAHANG	-	-	-	-
SARAWAK	1	-	-	1
SABAH	-	1	1	2
LABUAN	-	-	-	-
JUMLAH	21	4	8	33

Statistik Kes Tatatertib yang Telah Selesai Tahun 2023

BILANGAN KES TATATERTIB TAHUN 2023	IBU PEJABAT	JPA / SPA	NEGERI	JUMLAH
	21	4	8	33

Statistik Tatatertib Mengikut Jenis Kesalahan

JENIS KESALAHAN	IBU PEJABAT	JPA / SPA	NEGERI	JUMLAH
TIDAK HADIR BERTUGAS	7	-	4	11
RASUAH / SALAHGUNA KUASA	2	-	-	2
JENAYAH NARKOTIK (DADAH)	4	-	-	4
KES POLITIK	-	-	-	-
TIDAK MENGIKUT PROSEDUR KASTAM	4	2	2	8
SKANDAL	-	-	-	-
TATAKELAKUAN / LAIN-LAIN KES	2	2	2	6
SURCAJ	2	-	-	2
JUMLAH	21	4	8	33

Statistik Keputusan Lembaga Tatatertib

KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB	IBU PEJABAT	JPA / SPA	NEGERI	JUMLAH
BEBAS	7	-	5	12
BERSALAH	9	4	3	16
SURCAJ	1	-	-	1
TAHAN KERJA	3	-	-	3
GANTUNG KERJA	1	-	-	1
JUMLAH	21	4	8	33

Statistik Tatatertib Mengikut Jenis Hukuman

JENIS HUKUMAN	IBU PEJABAT	JPA / SPA	NEGERI	JUMLAH
AMARAN	1	3	3	7
DENDA	-	-	1	1
LUCUTHAK EMOLUMEN	-	-	-	-
TANGGUH PERGERAKAN GAJI	-	-	-	-
TURUN GAJI	3	2	-	5
TURUN PANGKAT	-	-	-	-
BUANG KERJA	6	-	-	6
SURCAJ	1	-	-	1
DIBEBASKAN	7	-	5	12
SURCAJ & AMARAN	-	-	-	-
PERINTAH TAHAN KERJA	3	-	-	3
PERINTAH GANTUNG KERJA	1	-	-	1
JUMLAH	22	5	9	36



PERSIDANGAN INTEGRITI JKDM SE-MALAYSIA 2023



Catatan



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA



www.customs.gov.my



cpa@customs.gov.my



[JabatanKastamDirajaMalaysia](https://www.facebook.com/JabatanKastamDirajaMalaysia)



[@KastamMalaysia](https://twitter.com/KastamMalaysia)



[kastam.malaysia.official](https://www.instagram.com/kastam.malaysia.official)

ISSN 3030-5047



9 773030 504008